



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA & JABATAN STANDARD MALAYSIA

31 OKTOBER 2023

SEKTOR KEMBARA PELANCONGAN (*ADVENTURE TOURISM*) DIPERKASA MENJELANG TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

PUTRAJAYA, 31 OKTOBER 2023 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM) dalam meneruskan usaha untuk memperkasakan segmen pelancongan kembara (*adventure tourism*) dengan penganjuran PROGRAM *ESCAPE AWARENESS TRAINING* BAGI MS ISO 21101:2014 - *ADVENTURE TOURISM SAFETY MANAGEMENT SYSTEMS (ATSMS)* di MOTAC, Putrajaya.

YAB Perdana Menteri semasa ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 pada 11 September 2023 telah menyarankan agar pemulihan industri pelancongan negara disegerakan dengan menambah baik rangka kerja kawal selia, menggalakkan pendigitalan dan mempromosikan pelancongan mampan yang berasaskan alam semula jadi.

Sehubungan itu, pelancongan kembara atau *adventure tourism* telah dikenalpasti sebagai salah satu segmen pelancongan global yang semakin penting dan mempunyai potensi yang besar untuk dipromosikan. Bagi memastikan segmen ini terus kukuh dan berdaya saing, maka aspek keselamatan harus dititikberatkan dalam pengendalian aktiviti pelancongan kembara melalui pematuhan standard terkini dan tenaga kerja yang profesional dan kompeten.

Oleh yang demikian, ATSMS merupakan pensijilan kepada lebih 3,000 pengusaha industri pelancongan yang berdaftar dan berlesen dengan MOTAC dalam menyediakan dan menyampaikan perkhidmatan pelancongan kembara yang berkualiti dan selamat. Ini sudah pastinya dapat memberi keyakinan kepada para pelancong bahawa Malaysia merupakan sebuah destinasi pelancongan yang selamat untuk dikunjungi.

Usaha ini juga adalah selaras dengan pengumuman kempen Melawat Malaysia 2026 dengan sasaran ketibaan seramai 26.1 juta pelancong asing yang bakal menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM97.6 bilion dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Buat julung pertama kalinya, MOTAC dan JSM telah mengadakan PROGRAM *ESCAPE AWARENESS TRAINING* BAGI MS ISO 21101:2014 - *ADVENTURE TOURISM SAFETY MANAGEMENT SYSTEMS (ATSMS)* di Putrajaya. Program ini telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada Sektor Kembara Pelancongan dengan kehadiran seramai 112 orang peserta.

-TAMAT-

Jabatan Standard Malaysia

Mengenai Jabatan Standard Malaysia

Jabatan Standard Malaysia ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. Jabatan Standard Malaysia ialah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan mempromosikan Standard Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepadabadan penilaian pematuhan seperti makmal ujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Fokus utama perkhidmatan kami adalah untuk membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui penyeragaman dan aktiviti akreditasi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.jsm.gov.my, Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS_MY dan Instagram: standards_my

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

Tel.: 03-8008 2891 Fax: 03-8008 2901

E-mel: soon@jsm.gov.my